

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATUK DR. EWON EBIN
[RANAU]**

SOALAN :

YB Datuk Dr. Ewon Ebin [Ranau] minta PERDANA MENTERI menyatakan :-

- (a) apakah kaedah yang digunapakai oleh pihak Suruhanjaya Pilihan Raya dalam membuat kajian persempadanan semula bagi kerusi Dewan Undangan Negeri di negeri Sabah; dan
- (b) sama ada faktor geografi, keluasan kawasan dan kepadatan penduduk diambil kira dalam kajian, ini memandangkan negeri Sabah jauh ketinggalan dari segi pembangunan dan juga ekonomi.

SULIT

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, urusan Kajian Semula Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Negeri Sabah dilaksanakan selaras dengan keputusan Dewan Undangan Negeri (DUN) Sabah yang meluluskan pindaan undang-undang ke atas Fasal 2 Perkara 14 Perlembagaan Negeri Sabah berhubung komposisi keanggotaan DUN daripada 60 kerusi kepada 73 kerusi pada 9 Ogos 2016 dan telah diwartakan untuk dikuatkuasakan pada 18 Ogos 2016.

Selaras dengan keputusan tersebut, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) hendaklah melaksanakan urusan Kajian Semula Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Persekutuan Dan Negeri Bagi Negeri Sabah berdasarkan peruntukan Fasal (3A) Perkara 113, Perlembagaan Persekutuan iaitu bilangan ahli dipilih bagi DUN Sabah diubah berikutan dengan pindaan undang-undang yang dibuat oleh DUN Sabah. Walau bagaimanapun, oleh kerana lat tempoh 8 tahun bagi Negeri Sabah telah pun mencukupi, maka urusan persempadanan bagi Negeri Sabah ini adalah tertakluk kepada peruntukan Fasal (3B) Perkara 113, Perlembagaan Persekutuan.

Bagi mematuhi peruntukan tersebut, maka pelaksanaan urusan Kajian Semula Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Persekutuan Dan Negeri Bagi Negeri Sabah adalah berlandaskan kepada peruntukan Fasal (2) Perkara 113, Perlembagaan Persekutuan.

Urusan Kajian Semula Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Rayaini telah dilaksanakan mengikut prinsip-prinsip dan tatacara persempadanan yang telah ditetapkan di bawah Bahagian I dan II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan serta di bawah Perkara 113, Perlembagaan Persekutuan. Berdasarkan peruntukan dalam Bahagian I, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan, prinsip-prinsip persempadanan adalah seperti berikut:

- (a) Kemudahan diadakan bagi pemilih-pemilih mengundi semasa pilihan raya dan bahagian pilihan raya tidak merentasi sempadan negeri;
- (b) Mengambil kira kemudahan pentadbiran yang boleh didapati dalam bahagian pilihan raya itu untuk mengadakan jentera yang perlu bagi pendaftaran dan pengundian;
- (c) Jumlah pemilih yang seimbang bagi setiap bahagian pilihan raya dalam sesuatu Negeri kecuali apabila terdapat kesukaran perhubungan dan pengangkutan yang dihadapi di luar bandar, luas bahagian pilihan raya patut diberi pertimbangan; dan
- (d) Memelihara hubungan tempatan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, bagi mencapai prinsip-prinsip persempadanan yang telah ditetapkan dalam Perlembagaan Persekutuan, SPR mengambil kira semua faktor yang wujud dalam melaksanakan urusan persempadanan. Jurang perbezaan yang wujud

SULIT

antara bahagian-bahagian pilihan raya pada masa ini akan dapat diatasi melalui pembangunan yang sedang dijalankan khususnya pembangunan infrastruktur seperti jalan raya, pembangunan kawasan-kawasan industri dan pelbagai bentuk pembangunan sosio-ekonomi yang pesat. Aktiviti pembangunan ini akan secara beransur-ansur merapatkan jurang-jurang perbezaan yang terdapat di antara satu bahagian pilihan raya dengan bahagian pilihan raya yang lain.

Sekian. Terima kasih.